

Fakta Perkhidmatan

Diselaraskan oleh **Md Nizam Azid nizam@unimap.edu.my**,
Mazmin Mat Akhir mazmin@unimap.edu.my dan
Mohd Shahrul Annuar Alawi shahrul@unimap.edu.my

Peminjam Terbanyak 2008

Perpustakaan UniMAP sentiasa menghargai para pengguna yang memanfaatkan kemudahan, koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan. Terkini, Perpustakaan merakamkan penghargaan terhadap Prof. Madya Dr. Juhari Adnan yang telah muncul sebagai Peminjam Terbanyak 2008 dengan jumlah pinjaman sebanyak 164 naskhah. Beliau telah menerima hadiah berupaya seunit Kamus Elektronik BESTA Hi-Skor. Hadiah disampaikan oleh Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan UniMAP pada Majlis Pelancaran Kempen Jom Study pada 09 April 2009. Peminjam buku terbanyak bagi tahun 2008 dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu :

Staf Akademik

Johari Adnan
 Marina Marzuki
 Mohd Herwan Sulaiman

Pelajar

Josef Hadipramana
 Munaibah Mohd Mokhtar
 Che Padzilah Yaacob

Staf Pentadbiran

Nazirah Zainul Abidin
 Mazriyatol Hayati Sudin
 Azziah Nawawi

FAKTA PENYELIDIKAN


Kajian oleh CIBER di University College London dengan input oleh JISC National e-books Observatory Project Board telah dijalankan pada tahun 2008. Hasil kajian mengengahkan hasil dapatan / kajian mengenai minat dan tahap penggunaan buku elektronik di kalangan responden. Sejumlah 60% daripada populasi akademik telah menggunakan buku elektronik untuk melaksanakan pelbagai aktiviti ilmiah. Walau bagaimanapun, tahap penggunaan e-buku lebih tinggi di kalangan responden lelaki dan pelajar ijazah tinggi. Kajian juga menunjukkan tiada perbezaan tahap penggunaan antara pelajar sepenuh masa atau separuh masa.

Sumber : Miley, C (2009). JISC national e-books observatory project : dispelling myths about e-books with empirical evidence – JISC, Bristol.

Capaian Kepada Pangkalan Data E-Jurnal

Kemajuan di bidang teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan jarak, ruang dan masa menjadi hampir tiada batasan. Hal ini pun telah mengubah perilaku pengguna perpustakaan dalam pencarian maklumat. Pengguna memerlukan maklumat yang terkini, cepat, tepat dan di mana jua. Oleh yang demikian capaian kepada pangkalan data e jurnal menjadi semakin popular di perpustakaan UniMAP.

Sepanjang tempoh September 2008 hingga Februari 2009, didapati muat turun maklumat dari e-jurnal menjadi semakin popular. Statistik menunjukkan muat turun maklumat dari pangkalan data Science Direct (113,015) adalah yang tertinggi diikuti oleh IEEE Xplore (22,158) dan SpringerLink (11858). Antara e-jurnal yang paling popular sepanjang tempoh September 2008 – Februari 2009 adalah *Chemical Physics Letters*, *Thin Solid Films*, *Carbon* dan *Fluid Phase Equilibria*. Peningkatan capaian kepada pangkalan data adalah didorong oleh maklumat yang terkini berbanding jurnal bercetak. Pengguna boleh mengakses pelbagai judul e-jurnal berbanding jurnal bercetak yang terhad. Selain itu pengaksesan kepada e-jurnal boleh dilakukan di mana sahaja berada tanpa mengira waktu. Maklumat boleh dimuat turun serta merta.



(ISSN : 0009-2614)
 Bilangan muat turun teks : 7223



(ISSN : 0040-6090)
 Bilangan muat turun teks : 4821



(ISSN : 0008-6223)
 Bilangan muat turun teks : 4554



ISSN : 0378-3812)
 Bilangan muat turun teks : 2440

Fakta Perkhidmatan